

Beri perhatian kepada golongan belia: Hafez

MORIB - Masyarakat digesa memberi perhatian kepada golongan belia di kawasan masing-masing bagi memastikan kumpulan tersebut tidak tersasar atau terjebak dengan aktiviti tidak bermanfaat.

Pengerusi Majlis Belia Daerah Kuala Langat, Hafez Shuriddin berkata, kewujudan pelbagai teknologi canggih menyebabkan golongan belia amat terdedah dengan perkara positif dan negatif.

Katanya, di sinilah peranan masyarakat dan ahli keluarga untuk membimbing kerana mereka adalah golongan yang mudah dipengaruhi.

"Sehubungan itu, golongan belia perlu dibantu oleh masyarakat un-

tuk menjauhi perkara yang tidak bermanfaat dan penganjuran program bermanfaat perlu ditambah dari masa ke semasa," katanya.

Hafez berkata, selain terdedah dengan pengaruh alam siber, golongan tersebut turut sasaran pihak tidak bertanggungjawab yang berniat untuk mencuri pemikiran mereka.

"Kita tidak mahu golongan belia menjadi sasaran pihak tidak bertanggungjawab yang cuba merosakkan masa depan negara," katanya.

Jelasnya, hanya ilmu bermanfaat dapat membantu golongan belia membuat pertimbangan positif dalam menentukan arah tuju dan menepis hasutan pihak tidak bertanggungjawab.



Hafez (dua, kiri) ketika menyertai aktiviti 'ciblon' atau menjaring ikan di Kolam Koperasi Kampung Bandar, baru-baru ini.

Lima penyamun terbabas ketika cuba larikan diri

SUNGAI SEDU - Nasib tidak menyebelahi sekumpulan penyamun selepas kenderaan jenis Honda Accord yang dinaiki mereka terbabas merempuh tembok longkang berhampiran sebuah taman perumahan di Sungai Sedu, semalam.

Kejadian berlaku selepas lima lelaki itu terserempak dengan anggota peronda MPV Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Langat selepas menyamun sebuah rumah di Sungai Pelek, Sepang, dua jam sebelum kejadian.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Azizan Tukiman berkata, suspek kemudian telah memecut laju kenderaan sehingga ke Sungai Sedu.

Menurutnya, anggota MPV ketika itu telah mengarahkan suspek memberhentikan kenderaan mereka namun tidak diendahkan.

"Suspek bagaimanapun terus memecut sebelum hilang kawalan dan terbabas merempuh tembok longkang di



Polis mengawal keadaan lalu lintas di Sungai Sedu sejurus berlakunya tangkapan sekumpulan lelaki dipercayai terlibat dalam kes samun, semalam.

tepi jalan menghala ke Klang.

"Polis kemudian berjaya tahan tiga suspek berusia lingkungan 16 hingga 21 tahun, manakala dua lagi suspek telah melarikan diri," katanya kepada Sinar Harian.

Beliau berkata, dua suspek yang cedera dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang untuk rawatan lanjut.

Katanya, polis juga merampas parang, topeng muka, kereta jenis Honda Accord yang dipercayai turut dicuri digunakan dalam kejadian samun di Sungai Pelek.

"Siasatan masih dijalankan dan kita tidak menolak kemungkinan geng ini ada terlibat dengan beberapa kes samun sebelum ini.

"Usaha mengesan dua lagi penjenayah sedang giat dilakukan dan orang ramai yang mempunyai maklumat boleh menyalurkankannya terus ke IPD Kuala Langat di talian 03-3187 2222.

Kes disiasat mengikut Seksyen 392/395 Kanun Keseksaan.

'Bila-bila masa boleh runtuh'

Ibu tunggal harap rumah baharu yang dijanjikan kerajaan negeri dapat segera dibina

SUNGAI BUAYA - Seorang ibu tunggal berharap rumah baharu yang dijanjikan sempena Program Kerajaan Prihatin di bawah Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2017 segera dibina.

Rumizah Samingan, 49, berkata, dia bimbang berikutan keadaan kediamannya kini terlalu uzur.

"Bila hujan lebat, air mesti naik kat dapur...kat bahagian tingkat atas pula, makcik tak berani nak guna sebab keadaan dinding rumah sudah reput dan kalau tengok keadaannya memang bila-bila masa boleh runtuh.

"Makcik sebenarnya tak adalah nak minta-minta...tapi kalau ada pihak datang bagi surat tawaran untuk bina rumah, makcik bersyukur. Dan harap rumah yang dijanjikan dapat segera dibina," katanya ketika ditemui pemberita di kediamannya di Jalan Tanah Raja, Sungai Buaya.

Menurutnya, dia tinggal bersama anak perempuan

INFO • Rumizah telah menerima surat tawaran pembinaan rumah baharu di bawah Program Kerajaan Prihatin

tunggal berumur 20 tahun dan seorang adik lelaki yang bekerja di sebuah kilang di Banting.

"Makcik memang tak ada pendapatan tetap, nasib ada tempat berteduh di rumah pusaka ni, cuma makcik bergantung pada hasil kelapa sawit di kawasan rumah makcik yang mencecah sekitar RM200 sebulan.

"Bila mengenangkan keadaan rumah makcik ni, makcik sedihlah...sebab tak ada duit nak baik.

"Sebenarnya ada juga pihak lain datang nak bantu bina rumah, bila makcik tunjukkan surat tawaran yang makcik terima, agak sukar untuk pihak tersebut tunakan permintaan



Hisham (kanan) mendengar luahan Rumizah mengenai keadaan rumahnya yang uzur.

makcik," katanya.

Sementara itu, Penyelaras Kanan Kemas Kuala Langat, Hisham Abd Talib berkata, pihaknya beberapa kali mengunjungi rumah Rumizah bagi menyampaikan sumbangan sekali gus pernah mencadangkan namanya sebagai penerima bantuan rumah namun terpaksa ditukar kepada penerima lain, apabila mendapat maklumat Rumizah telah menerima

tawaran bantuan rumah di bawah program itu.

Menurutnya, sekiranya pembinaan rumah tersebut benar, beliau berharap pihak berkenaan segera membina rumah tersebut secepat mungkin memandangkan keadaan rumah Rumizah terlalu uzur.

"Bagaimanapun, kita juga bercadang melakukan aktiviti gotong-royong sekiranya tiada apa-apa juga tindakan daripada pihak berkenaan mengenai



Rumizah menunjukkan atap dapur rumahnya yang bocor.

pembinaan rumah baru yang dijanjikan.

"Saya sendiri bersama wakil Kemas hadir bagi melihat keadaan rumah, dan saya rasa ia perlu diberi perhatian segera," katanya.

Dalam pada itu, Penolong Pegawai Daerah Kuala Langat Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah/Tanah, Md Hasrul Faiz Borhanuddin berkata, bagi Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin

Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan sebanyak lapan rumah untuk dibaik pulih yang memperuntukkan sebanyak RM153,150 dan masih di dalam proses pelaksanaan.

Manakala, peruntukan sejumlah RM350,000 diluluskan untuk pembinaan tujuh rumah baharu termasuk rumah Rumizah dan kerja-kerja pembinaan dijangka akan dimulakan Januari 2018.